

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN
RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 16.05.2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 84

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:

- a) Bilakah jalan raya-jalan raya berikut dapat dinaik taraf iaitu kampung Keramuak, Kawasan Parlimen P.187 Kinabatangan, kampung Desa Permai, Kawasan P.187 Kinabatangan; dan
- b) Kampung Kenang-Kenangan, Kawasan Parlimen P.187 Kinabatangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini memahami keperluan infrastruktur masyarakat luar bandar terutamanya jaringan jalan raya yang selesa.

Sekiranya terdapat keperluan bagi menaik taraf jalan tersebut, dimohon Yang Berhormat untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada Kerajaan Negeri sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) membuat semakan kos sebelum diangkat kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.